



GARIS PANDUAN PELANTIKAN MUTAWALLI KHAS NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini dikeluarkan oleh MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP) dan mula berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.
- 1.2 Garis panduan ini menggariskan tatacara Pelantikan Mutawalli Khas Negeri Pahang Darul Makmur.
- 1.3 Garis panduan ini terpakai bagi semua pelantikan Mutawalli Khas sama ada pelantikan dibuat oleh MUIP sebagai Nazir Am atau pun pelantikan yang dibuat oleh PERBADANAN WAKAF PAHANG yang merupakan Mutawalli Khas yang dilantik oleh MUIP.
- 1.4 Mana-mana pihak sama ada individu, organisasi atau apa-apa badan yang sah dan layak dari segi undang-undang boleh memohon untuk dilantik sebagai Mutawalli Khas bagi menguruskan aset wakaf yang terletak dalam bidang kuasa MUIP.
- 1.5 Mana-mana permohonan yang tidak mengikut/menepati syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini akan ditolak.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan mengenai tatacara pelantikan Mutawalli Khas Negeri Pahang Darul Makmur bagi mengendalikan harta wakaf sama ada yang telah berada dalam milik atau penguasaan MUIP atau Wakaf Pahang atau harta wakaf yang akan diperolehi melalui usaha Mutawalli Khas. selari dengan punca kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(d), 4(e) dan 9(d) Enakmen Wakaf Pahang 2022.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Tugas dan Tanggungjawab Mutawalli Khas (Pentadbir Wakaf)

- 3.1.1 Mutawalli Khas merupakan pihak yang diberi kuasa oleh MUIP atau PERBADANAN WAKAF PAHANG untuk mengutip dana atau membangunkan atau menguruskan sesuatu harta wakaf tanpa mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut kerana setiap harta wakaf telah diserahkan kepada MUIP selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf dan harta tersebut secara mutlak menjadi hak milik Allah SWT.
- 3.1.2 Pihak yang diberi kuasa mentadbir harta wakaf boleh terdiri daripada perseorangan atau organisasi atau apa-apa badan yang sah dari segi undang-undang dilantik di bawah Suratcara Pelantikan Mutawalli Khas untuk mengurus perkara-perkara yang berkaitan harta wakaf oleh MUIP atau PERBADANAN WAKAF PAHANG.

3.1.3 Tanggungjawab Mutawalli Khas adalah seperti berikut:-

- a) Mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh MUIP atau PERBADANAN WAKAF PAHANG dalam Suratcara atau surat perlantikan Mutawalli Khas.
- b) Mutawalli khas bertanggungjawab untuk memelihara harta wakaf yang diamanahkan kepadanya.
- c) Skop kebenaran yang diberikan dalam perlantikan Mutawalli Khas adalah kesemua atau sebahagian daripada berikut;
 - i. Mengutip dana atau,
 - ii. Mengurus dana atau,
 - iii. Mentadbir / mengurus atau
 - iv. Membangun / memaju atau
 - v. Kesemua urusan di atas
- d) Tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah atau melanggar hukum syarak dan syarat perlantikan
- e) Tidak melakukan urusniaga yang bercanggah dengan hukum syara' seperti urusniaga riba
- f) Tidak menindas atau zalim dalam mengendalikan harta umat Islam

3.2 Tugas dan Tanggungjawab MUIP

- 3.2.1 MUIP sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf melalui PERBADANAN WAKAF PAHANG akan memantau setiap mutawalli khas yang dilantik agar sentiasa mengambil sikap cermat, teliti dan berhati-hati supaya setiap harta wakaf dapat dimajukan dengan cara yang terbaik mengikut lunas undang-undang bagi memastikan harta itu terus berkekalan dan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.
- 3.2.2 Tanggungjawab MUIP adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Wakaf Pahang 2022 meliputi:-
- (a) Memelihara semua wakaf yang berada di negeri Pahang sebagai pemegang ‘Amanah Tunggal Wakaf’.
 - (b) Mengadakan kaedah-kaedah dalam menjalankan fungsinya berkait dengan pembangunan agama Islam termasuklah dalam hal pentadbiran harta wakaf.
 - (c) Melantik wakil bagi mengendalikan harta wakaf dikenali sebagai Mutawalli Am kepada PERBADANAN WAKAF PAHANG.
 - (d) Memastikan Mutawalli Am menjalankan fungsinya tertakluk kepada had atau bidangkuasa yang diberikan.

3.3 Tugas dan Tanggungjawab PERBADANAN WAKAF PAHANG

- 3.3.1 PERBADANAN WAKAF PAHANG adalah badan yang dilantik dan dipertanggungjawabkan oleh MUIP sebagai Mutawalli Am bagi mengendalikan semua harta Wakaf.
- 3.3.2 PERBADANAN WAKAF PAHANG bertanggungjawab sepenuhnya kepada MUIP terhadap bidangkuasa yang diturunkan kepadanya.
- 3.3.3 Sebagai Mutawalli Am, PERBADANAN WAKAF PAHANG dibenarkan oleh MUIP untuk melantik Mutawalli Khas.

4. TATACARA PERLANTIKAN MUTAWALLI KHAS

- 4.1 Setiap permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Perlantikan Mutawalli Khas.
- 4.2 Pewakaf (wakif) boleh menamakan diri sendiri sebagai Mutawalli Khas atau mencadangkan pihak lain sebagai Mutawalli Khas bagi menguruskan atau mentadbir harta wakaf (Mauquf) atau mana-mana pihak boleh memohon Mutawalli Khas dan mengisi Borang Permohonan Perlantikan Mutawalli Khas dengan mengemukakan maklumat seperti yang dikehendaki dalam borang.
- 4.3 Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:-
 - 4.3.1 Pemohon Individu
 - Berumur 18 tahun dan ke atas
 - a) Warganegara Malaysia
 - b) Sihat tubuh badan
 - c) Berfikiran waras (tidak gila)
 - d) Berkemampuan mengurus harta wakaf

- 4.3.2 Pemohon Organisasi atau Badan
- a) Berdaftar atau diiktiraf dari segi undang-undang.
 - b) Organisasi atau badan berkenaan mempunyai bidang kuasa atau tiada sekatan bagi menguruskan harta wakaf.
- 4.4 Pemohon samada individu atau organisasi atau badan hendaklah mengisi borang permohonan dengan menyertakan maklumat serta dokumen sebagaimana yang dikehendaki seperti berikut ;
- 4.4.1 Dokumen Permohonan Individu
- i) Salinan Kad Pengenalan.
 - ii) Lain-lain dokumen berkaitan.
- 4.4.2 Dokumen Permohonan Organisasi atau Badan
- i) Sijil pendaftaran organisasi atau badan.
 - ii) Resolusi Lembaga Pengarah atau cabutan minit yang berkaitan.
 - iii) Lain-lain dokumen berkaitan.
- 4.5 Pemohon hendaklah mengemukakan kertas kerja yang menyatakan cadangan atau kaedah yang lengkap mengenai pengendalian harta wakaf yang dipohon.
- 4.6 Bagi permohonan yang diluluskan, MUIP atau PERBADANAN WAKAF PAHANG akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Mutawalli.
- 4.7 Sekiranya tawaran beserta syarat-syarat yang ditetapkan diterima, maka kedua pihak akan menandatangani Suratcara Pelantikan Mutawalli Khas.
- 4.8 MUIP atau PERBADANAN WAKAF PAHANG boleh mengenakan suatu caj pengurusan di atas perlantikan Mutawalli Khas ini.

5. PEMBATALAN ATAU PENAMATAN MUTAWALLI KHAS

MUIP atau PERBADANAN WAKAF PAHANG berhak menarik balik atau membatalkan pelantikan Mutawalli Khas sekiranya tidak berupaya atau lemah atau melanggar syarat perlantikan Mutawalli Khas.

6. PENUTUP

- 6.1 Garis Panduan yang diwujudkan diharapkan menjadi panduan kepada semua pihak dalam memahami proses pelantikan Mutawalli Khas. MUIP sebagai Pemegang Amanah Tunggal bagi semua harta wakaf melalui PERBADANAN WAKAF PAHANG bertanggungjawab untuk memastikan bahawa harta wakaf senantiasa selamat dan dapat memberikan manfaat kepada umat Islam sebagai Mauquf Alaih.
- 6.2 Di samping itu, hasrat pewakaf juga dapat dipelihara supaya mendapat manfaat yang berpanjangan.
- 6.3 Garis Panduan ini juga diharapkan dapat memastikan perlantikan dan pengendalian Mutawalli Khas dapat diuruskan dengan sempurna.

***Dato' Ahmad Hairi Bin Haji Hussain,
DSAP., DIMP., SAP., AMP., PKC.,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.***

***Dikeluarkan pada :
(M.U.I.PHG:)***

B) PROSEDUR DAN CARTA ALIR PEMOHONAN PERLANTIKAN MUTAWALLI KHAS

1. Tujuan

Prosedur ini bertujuan supaya semua permohonan Pelantikan Mutawalli Khas adalah mematuhi prosedur dan dilaksanakan dengan teratur.

2. Skop

Prosedur ini diguna pakai bagi proses permohonan Pelantikan Mutawalli Khas oleh MUIP, Wakaf Pahang, Pewakaf dan pemohon untuk mendapatkan status Mutawalli Khas.

3. Rujukan

- 3.1 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Negeri Pahang
- 3.2 Enakmen Wakaf Pahang 2022

4. Definisi


- PMK : Pemohon Mutawalli Khas
PYB : Pegawai Yang Berkenaan
PBK : Pengurus Besar Kanan
PWP : Perbadanan Wakaf Pahang
MUIP : Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
JKWP : Jawatan Kuasa Wakaf Pahang

5. Prosedur Memohon Pelantikan Mutawalli Khas

- 5.1 Permohonan Pelantikan Mutawalli Khas boleh dilakukan oleh pewakaf atau PMK yang ingin memohon status Mutawalli Khas dengan menggunakan Borang Permohonan Pelantikan Mutawalli Khas. Borang permohonan tersebut hendaklah diisi dengan lengkap serta menyertakan dokumen seperti yang dinyatakan di dalam borang.
- 5.2 Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Pejabat PWP untuk proses selanjutnya.
- 5.3 Borang Permohonan yang lengkap akan diproses dan dibawa ke mesyuarat pengurusan WP / JKWP untuk kelulusan.
- 5.4 Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi beserta dengan syarat-syaratnya. Ianya perlu ditandangani sebagai tanda setuju terima.
- 5.5 Persetujuan ini akan disempurnakan dengan kedua pihak iaitu MUIP atau PWP dengan pemohon menandatangani satu **SURATCARA**.

6. Carta Alir

Pegawai	Carta Alir	Dokumen
PYB	<pre> graph TD Start((Mula)) --> Decision1{ } Decision1 --> Decision2{ } Decision2 --> Complete[Lengkap] Decision2 --> Incomplete[Tidak Lengkap] Incomplete --> Decision1 </pre>	<p>Permohonan oleh PMK</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai semak • Borang permohonan
PYB		<p>Terima permohonan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai semak • Borang permohonan • Jika tidak lengkap, hubungi pemohon
PYB		<p>Proses Permohonan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menganalisa dan menyediakan laporan berkaitan kertas kerja pemohon
PYB		<p>Penyediaan Laporan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan dibawa ke mesyuarat Pengurusan Wakaf untuk dibincang dan membuat keputusan



C) **DOKUMEN**

Lampiran 1

Suratcara Pelantikan Mutawalli Khas



جَلِيلِيْسِ اِلَّا مُسْلِمِيْنَ اِنْ عَادَهُ رَسَمٌ مِنَ الْأَوْقَفِ
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

WAKAF PAHANG
جَلِيلِيْسِ اِلَّا مُسْلِمِيْنَ اِنْ عَادَهُ رَسَمٌ مِنَ الْأَوْقَفِ

SURATCARA PERLANTIKAN MUTAWALLI KHAS

SURATCARA PERLANTIKAN MUTAWALLI KHAS ini diperbuat

ANTARA

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG satu badan yang ditubuhkan menurut seksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 yang beralamat di Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur (selepas ini dirujuk sebagai "Majlis") sebagai satu pihak;

DAN

(NO. K/P:) yang beralamat di (selepas ini dirujuk sebagai "Mutawalli Khas") sebagai satu pihak yang lain.

atau

..... (No. Pendaftaran:) sebuah pertubuhan/perbadanan/syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta yang mempunyai alamat berdaftar di (selepas ini dirujuk sebagai "Mutawalli Khas") sebagai satu pihak yang lain.

BAHAWASANYA Majlis adalah satu-satunya institusi yang bertanggungjawab mentadbir semua harta wakaf yang terletak dalam negeri Pahang Darul Makmur sepermata menurut Enakmen Wakaf Pahang 2022.

BAHAWASANYA Majlis sebagai Pemegang Amanah Tunggal telah menerima wakaf harta yang diperihalkan dalam Perkara 1 Lampiran yang dikepilkhan dalam suratcara ini (selepas ini dirujuk sebagai "Mawquf").

ADALAH DISAKSIKAN BAHAWA Majlis dengan ini melantik **Mutawalli Khas** bagi memastikan tujuan mawquf sebagaimana yang diperihalkan dalam Perkara 2 Lampiran suratcara ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Tujuan Mawquf**") dipelihara tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma perlantikan yang dinyatakan selepas ini di dalam suratcara ini.

1. Mutawalli Khas hendaklah:

- a. melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sepertimana yang dinyatakan di dalam Perkara 3 Lampiran suratcara ini.
- b. melaksana dan menyempurnakan kewajipan, tugas dan tanggungjawab sebagai Mutawalli Khas dengan mematuhi segala syarat mengikut Hukum Syarak serta segala perintah, undang-undang, peraturan, syarat atau terma yang ditetapkan oleh undang-undang, undang-undang kecil, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, Akta, Enakmen dan sebagainya yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- c. mematuhi segala perintah, arahan dan/atau nasihat yang diberikan oleh Majlis, atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Majlis, pada setiap masa dan dari masa ke semasa.
- d. mengemukakan kepada Majlis segala rekod, laporan, minit mesyuarat, penyata akaun, resit atau apa-apa dokumen seperti yang dikehendaki oleh Majlis dari masa ke semasa.
- e. memastikan atau menyebabkan dipastikan Mawquf tersebut dijaga, diselenggara dan/atau dikendalikan dengan sebaik-baiknya bagi mencapai Tujuan Mawquf tersebut secara kekal.
- f. melaksanakan urusan sebagai Mutawalli Khas secara jujur, amanah dan bertanggungjawab.

- 2. Majlis, atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Majlis, boleh:**
 - a. memberi apa-apa arahan, perintah dan/atau nasihat kepada Mutawalli Khas berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan Mawquf tersebut dan arahan, perintah dan/atau nasihat Majlis hendaklah dipatuhi oleh Mutawalli Khas.
 - b. Membatalkan perlantikan Mutawalli Khas ini pada bila-bila masa yang difikirkan patut menurut budibicara mutlak Majlis dan/atau menggantikan Mutawalli Khas ini dengan mana-mana mutawalli yang lain.
- 3. Mutawalli Khas hendaklah tidak:**
 - a. melakukan apa-apa perbuatan yang dianggap boleh mengubah perkara yang menjadi asas kepada **Tujuan Mawquf** tersebut tanpa persetujuan bertulis yang nyata dari **Majlis**.
 - b. membiarkan atau menyebabkan **Mawquf** tersebut menjadi terbiar tanpa apa-apa menjagaan, pengendalian atau pengurusan yang sewajarnya patut bagi memelihara **Tujuan Mawquf** itu.
 - c. melepaskan atau membuat apa-apa transaksi atau urusan yang boleh menyebabkan **Mawquf** itu terlepas atau dianggap terlepas dari pegangan **Majlis** sebagai Pemegang Amanah Tunggal **Mawquf** tersebut tanpa persetujuan bertulis yang nyata dari **Majlis**.
 - d. membuat apa-apa perkiraan dengan mana-mana pihak yang boleh menjadikan atau menimbulkan bebanan kepada **Mawquf** pada masa itu atau pada masa-masa akan datang.
4. Tempoh perlantikan Mutawalli Khas ini adalah sepertimana di dalam Perkara 4 Lampiran suratcara ini.
5. Walau apapun yang terkandung di dalam suratcara ini, Mutawalli Khas juga tertakluk kepada syarat-syarat nyata dan syarat-syarat tambahan yang disebut di dalam Perkara 5 dan 6 Lampiran suratcara ini.
6. Mutawalli Khas dengan ini berakujanji dengan Majlis bahawa ia akan pada setiap masa akan memberikan usahanya yang terbaik untuk menjalankan amanah dan melaksanakan terma-terma dan syarat-syarat yang terpaktai kepadanya dan akan menanggung rugi Majlis jika berlaku sebarang kerugian, kerosakan atau kehilangan yang dialami oleh Majlis yang timbul dari kegagalan Mutawalli Khas mematuhi sebarang terma- terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam suratcara ini.

Suratcara ini diperbuat pada tahun

DIPERSAKSIKAN DENGAN INI di mana Majlis menurunkan Meteri Majlis pada hari dan tahun yang tertulis seperti di atas.

Di Meteri oleh)
Majlis di hadapan:-)

Ditandatangani oleh)
Mutawalli Khas)

di hadapan:-)

LAMPIRAN

PERKARA	TAJUK	KETERANGAN	
1	Perihal Mawquf	Cth : HSD Lot No. Mukim Daerah Negeri	
2	Tujuan Mawquf	Jenis Wakaf	Wakaf Am/Khas
		Kategori	Keagamaan / Pendidikan / Kesihatan / Sosial / Ekonomi
		Pengkhususan	Cth: Maahad Tahfiz Surau Gerai Jualan Rumah Orang Tua
3	Fungsi dan Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> • Mengutip Dana • Mengurus Dana • Mentadbir/Mengurus Mawquf • Membangun/Memaju Mawquf • Kesemua Di atas 	
4	Tempoh	Perlantikan Mutawalli Khas ini adalah kekal / bagi tempoh (potong salah satu) tetapi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen Wakaf Pahang 2022	
5	Syarat-syarat Nyata	<ol style="list-style-type: none"> 1. Beragama Islam dan berakal sempurna 2. Bukan seorang yang bankrap 3. Tidak pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah dibawah undang-undang yang berkaitan seperti pecah amanah, penipuan, pemalsuan, penyelewengan, pengubahan wang haram, rasuah dan lain-lain. 4. Tidak ingkar atau cuai atau enggan atau abai kepada mana-mana arahan, perintah atau nasihat Majlis, atau mana-mana pihak yang diberikuasa oleh Majlis, berkenaan dengan Mawquf itu 	
6	Syarat-syarat tambahan		

BIL.	KATEGORI	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN
1	Pendidikan/Keagamaan - Maahad Tahfiz - Pondok - dll	Berpegang pada ahli sunnah wal jamaah seperti mana yang termaktub dalam Kerajaan Negeri Pahang
2	Sosial	
3	Pendidikan	Mematuhi syarat-syarat dari agensi-agensi berkaitan.